

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

SOALAN NO. 414

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal kuasa monopoli syarikat-syarikat besar seperti BERNAS, ASTRO dan sebagainya supaya tidak menzalimi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat prihatin mengenai kesan kuasa monopoli dalam rangkaian bekalan yang boleh mengganggu struktur dan kecekapan pasaran memandangkan ia cenderung mengakibatkan penawaran harga yang tidak kompetitif kepada pengguna. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri Kajian Semula Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan Kerajaan yang dipengerusikan oleh YB Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

2. Jawatankuasa ini sedang mengkaji beberapa kes konsesi sedia ada bagi mengenalpasti sebarang salahguna kuasa monopoli dan sekiranya ada. Tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil supaya bekalan dan perkhidmatan dapat disediakan dalam suasana pasaran yang lebih kompetitif. Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji keperluan mewujudkan sistem pemantauan dan kawal selia yang berkesan bagi memastikan tiada eksploitasi pasaran berlaku.

3. Dari segi aspek perundangan sedia ada, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 bagi memastikan amalan persaingan yang sihat dalam pembangunan dan operasi pasaran. Akta tersebut melarang perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran. Penguatkuasaan dan pemantauan akan ditingkatkan bagi menghalang amalan perdagangan yang tidak adil dalam ekonomi. Langkah-langkah ini dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi serta menjana kecekapan dan kesaksamaan pasaran.

Sekian, terima kasih.